

## **FAQ(Saluran Kedua)**

1. **S:** Sekiranya saya telah menghantar permohonan secara atas talian (online) tetapi saya terlupa untuk mencetaknya, bagaimana saya hendak mendapatkan maklumat permohonan saya semula?

**J:** **Anda boleh mencetaknya dengan memasuki semula laman web berkenaan dan mencapai menu Cetak Permohonan.**
  
2. **S:** Saya adalah pelajar Lulusan Diploma yang baru sahaja tamat pengajian. Adakah saya layak memohon saluran ini kerana saya belum mempunyai pengalaman kerja? Jika tidak, bagaimana saya boleh memohon ke UKM?

**J:** **Tidak Layak. Calon yang memohon saluran ini perlu mempunyai kelulusan SPM serta pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang dipohon/berkaitan. Permohonan bagi Lulusan Diploma adalah diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Kategori Lulusan Diploma / Setaraf dan iklan kemasukan disiarkan pada bulan Januari setiap tahun.**
  
3. **S:** Adakah program ini diadakan secara separuh masa atau sepenuh masa? Bilakah tarikh pendaftarannya?

**J:** **Program ini diadakan secara sepenuh masa dan tarikh pendaftaran adalah pada 4 Julai 2010. Program separuh masa, UKM dikendalikan oleh Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM. Sila rujuk laman web Pusat berkenaan daripada laman utama ukm <http://www.ukm.my/kembangan>**
  
4. **S:** Sekiranya saya belum mendaftar atau menduduki MUET adakah saya layak memohon?

**J:** **Saudara/i boleh mengemukakan permohonan terlebih dahulu dan mendaftar ujian berkenaan di Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing pada awal Januari 2010 apabila pendaftaran ujian dibuka. Saudara/i dikehendaki mengemukakan salinan slip pendaftaran MUET ke UKM untuk tujuan rekod kami.**

**Saudara/i juga dikehendaki menduduki ujian tersebut sebelum bermulanya sesi pengajian pada Julai 2010. Sila rujuk laman web Majlis Peperiksaan Malaysia iaitu [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) dari semasa ke semasa untuk mengetahui jadual pendaftaran ujian berkenaan.**
  
5. **S:** Bilakah temu duga akan dijalankan?

**J:** **Tertakluk kepada Fakulti yang menawarkan program dan dijangka pada bulan Disember.**

6. **S:** Sekiranya saya tersalah mengisi borang selepas menghantar permohonan secara atas talian (online), bagaimana pembedaan tersebut dapat saya buat sedangkan permohonan hanya sekali sahaja?
- J:** **Peringatan awal telah diberikan kepada calon di dalam Panduan Mengisi Borang Permohonan Atas Talian (Online) supaya berhati-hati semasa mengisi borang dan menyemak semula maklumat permohonan sebelum menekan butang “Hantar”.**  
**Walau bagaimanapun, saudara/i boleh menghantar maklumat pembedaan menerusi faks atau mel-e untuk tindakan UKM.**
7. **S:** Adakah saluran ini dibuka kepada calon Pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah sahaja?
- J:** **Tidak, ia terbuka kepada mana-mana calon yang memenuhi syarat kemasukan seperti yang ditetapkan oleh Universiti.**
8. **S:** Bagaimana saya dapat mengetahui status permohonan saya?
- J:** **Anda boleh mengetahui status permohonan samada melalui lamanweb UKM <http://www.ukm.my/tawaran> di menu Semakan Status Permohonan atau telefon ke Bahagian Pengurusan Akademik dengan menyatakan No. Siri / Rujukan yang terdapat pada borang permohonan anda.**